

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 01/02/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional (28)

Tajuk : Koperasi Urus Saham Bumiputera

RABU 1 FEBRUARI 2023 • SINAR HARIAN

28 | BISNES

Koperasi urus saham bumiputera

Angkasa sasar 100 koperasi terlibat bagi meningkatkan pendapatan ahli

Oleh IZWAN ROZLIN
PETALING JAYA

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 100 buah koperasi terlibat dengan pemilikan saham khas bumiputera.

Presidennya, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu juga dapat mempelbagaikan lagi serta meningkatkan sumber perolehan yang secara tidak langsung akan membantu koperasi menyumbang lebih banyak manfaat kepada

anggotanya.

Menurutnya, objektif utama usaha ini dijalankan adalah untuk memenuhi 30 peratus kuota pemilikan ekuiti bumiputera yang menjadi sasaran kerajaan.

"Selalunya syarikat yang membuka saham miliknya untuk awam adalah untuk mendapatkan dana modal tambahan yang besar untuk beberapa sebab.

"Antaranya ialah menambah cawangan, menambah aset dan menambah modal tenaga kerja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Kesedaran Pemilikan Saham Khas Bumiputera Untuk Koperasi 2023 dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di sini, pada Selasa.

Turut hadir Timbalan Presiden Angkasa, Profesor Madya Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak



Abdul Fattah (tujuh dari kiri) bersama wakil koperasi yang menyertai Program Kesedaran Pemilikan Saham Khas Bumiputera Untuk Koperasi 2023 dengan kerjasama MITI dan SKM pada Selasa.

Shaik; Anggota Lembaga Angkasa, Dr. Mohd Azlan Yahya; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Datuk Abdullah Jusoh dan Pengarah Bahagian AKI, Seranta dan Saham MITI, Azmir Musyabri Abdul Mutualib.

"Setakat ini Angkasa mengenal pasti 37 buah koperasi

baharu yang akan mendaftar di MITI untuk miliki saham terbitan awam (IPO).

"Apabila syarikat persendirian menjual saham pertama kali miliknya kepada orang awam, contohnya sebuah syarikat sendirian berhad membuka peluang kepada orang awam untuk memiliki saham ia membolehkan

nama syarikat itu berada dalam senarai paparan Bursa Saham Malaysia.

"Dalam 31 IPO tersebut akan ada peruntukan saham khas yang hanya ditawarkan kepada institusi atau badan koperasi, yayasan, syarikat dan individu yang berstatus bumiputera," katanya.